

SOALAN NO. 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan kepimpinan golongan wanita terutamanya dalam penyertaan Parlimen, jawatan Menteri, GLCs dan perkhidmatan awam.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Dalam usaha untuk meningkatkan kepimpinan wanita dalam penyertaan di dalam perkhidmatan awam, sektor korporat dan sektor-sektor lain, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mencapai tujuan tersebut.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam pada 24 Ogos 2004 dan dasar tersebut diperluaskan sepenuhnya ke Sektor Swasta melalui pengumuman Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Mohd Najib Tun Razak pada 27 Jun 2011.

Selain itu, Kerajaan juga telah mewujudkan Program Pengarah Wanita bertujuan untuk melatih wanita yang berkelayakan dengan ilmu serta kemahiran yang diperlukan bagi seorang wanita untuk berada di kedudukan pembuat keputusan sektor korporat. Wanita-wanita yang telah dilatih ini pula akan disenaraikan di dalam *Registry* Pengarah Wanita

supaya dapat dikenal pasti oleh syarikat-syarikat korporat yang memerlukan perkhidmatan mereka.

Yang terkini ialah *30 percent club* yang telah ditubuhkan pada 8 Mei 2015 bagi turut menyokong usaha Kerajaan ini. *30 percent club* ini adalah berdasarkan *business-led approach*, di mana ia adalah kumpulan pemimpin perniagaan yang komited untuk membawa atau mempromosi lebih banyak wanita yang berkebolehan sebagai ahli lembaga pengarah syarikat. Ia juga dapat berfungsi sebagai penghubung Kerajaan untuk mencapai sasaran Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat.

Di samping itu, Kerajaan melalui KPWKM telah menandatangani perjanjian mengenai Penubuhan Kursi Kepimpinan Wanita di UKM pada 30 Mac 2012 dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai usaha untuk memperkukuhkan lagi inisiatif pembangunan kepimpinan wanita di semua sektor.

Antara fungsi utama penubuhan Kursi Kepimpinan Wanita ini adalah:

- (i) menjalankan penyelidikan dan menjana ilmu watan berkaitan dengan kepimpinan wanita di peringkat nasional dan antarabangsa;
- (ii) memberi input dasar kepada Kerajaan berkenaan kepimpinan wanita;
- (iii) menjalankan latihan kepimpinan wanita kepada golongan wanita; dan
- (iv) meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat melalui program advokasi berhubung isu-isu wanita yang dihadapi oleh masyarakat dari semasa ke semasa.

Kerajaan kini juga dalam proses perbincangan dengan pihak Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim yang bertanggungjawab menyelaras program-program di bawah Kursi Kepimpinan Wanita untuk mengadakan satu kajian menyeluruh mengenai kepimpinan wanita di bidang politik. Kajian ini dilihat akan dapat membantu KPWKM untuk menganalisis situasi semasa kepimpinan wanita di bidang politik dan merangka dasar serta inisiatif-inisiatif yang bersesuaian bagi tujuan pembangunan wanita di bidang ini.